

Pemidato Armenia, Rusia peserta pilihan

PUTRAJAYA 4 Mac – Dua peserta pilihan kategori Antarabangsa dari Rusia, Natalya Budanova dan Ponomar Karina (Armenia) antara lapan peserta yang layak ke peringkat akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2010 di sini.

Menurut seorang urus setia pertandingan, persembahan menarik dan kepethan kedua-dua peserta ketika berpidato menyebabkan penampilan mereka sentiasa dinantikan-nantikan penonton.

Keputusan lapan peserta berkenaan yang diumumkan oleh Penyelaras Teknikal dan Penghakiman PABM, Mazlena Mohd. Hussain hari ini ternyata menepati ramalan kerana persembahan Natalya dan Ponomar sentiasa konsisten sejak saringan pertama lagi.

Ponomar ketika ditemui *Utusan Malaysia* berkata, dia berasa gembira dengan keputusan tersebut kerana usaha penyertaan kali keduanya ke PABM ternyata membuahkan hasil.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan dan guru yang membantu saya melayakkan diri ke peringkat akhir pertandingan,” katanya selepas pengumuman peserta yang layak ke peringkat akhir di sini.

Sepanjang pertandingan dari 2 hingga 5 Mac itu, seramai 56 peserta awal iaitu 45 bagi kategori Antarabangsa dan 11 untuk kategori Nusantara perlu melalui dua saringan sebelum ke peringkat separuh akhir.

Sebanyak 15 peserta kategori Antarabangsa dan tujuh untuk kategori Nusantara itu perlu berentap untuk ke peringkat akhir.

Hanya lima peserta bagi kategori Antarabangsa dan tiga untuk kategori Nusantara akan bertanding di peringkat akhir di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada pukul 8.30 malam esok.

Kemuncak pertandingan yang diadakan pada kali keempat itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mazlena memberitahu, tiga peserta lain yang akan berentap di pertandingan akhir bagi kategori Antarabangsa adalah dari Australia, China dan Jerman.

“Bagi kategori Nusantara pula, selain peserta Malaysia, turut mara ke peringkat akhir ialah pemidato dari Kemboja dan Indonesia,” ujarnya.

Menurutnya, hanya seorang peserta dari setiap negara layak ke peringkat akhir walaupun terdapat dua atau lebih peserta dari negara sama memperoleh markah tinggi daripada peserta negara lain.

Ini kerana penganjur menetapkan kuota tersebut untuk setiap negara.

Johan bagi setiap kategori akan membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai AS\$3,000 (RM10,983).

Naib juara bakal memenangi piala iringan dan AS\$2,000 (RM7,322) manakala tempat ketiga memperoleh piala iringan dan AS\$1,000 (RM3,661).



PESERTA-PESERTA yang layak ke akhir, (duduk dari kiri), Chai Lany Sles dari Kemboja, Syazwan Suhaimi (Malaysia), (berdiri dari kiri), Leonora Lydia Gebby Wentuk (Indonesia), Zara Maxwell Smith (Australia), Zhang Song (China), Josse Hunnekes (Jerman), Ponomar Karina (Armenia) dan Natalya Budanova (Rusia) di Putrajaya, semalam.

Pantun luahan emosi pemidato Jerman

PUTRAJAYA 4 Mac –

*Dari jauh pandang-pandang
Bila dekat jeling-jeling
Dari Jerman saya datang
Datang ke mari untuk bertanding.*

*Laksamana Hang Tuah bermain keris
Keris dipakai dalam upacara
Nama saya Josee Hunnekes
Minta izin mulakan bicara.*

Dua rangkap pantun di atas diungkapkan pemidato Jerman, Josee Hunnekes yang disifatkannya cara terbaik untuk meluahkan emosi serta

menggambarkan ekspresi seseorang.

Bait-bait pantun itu kedengaran semasa beliau memulakan hujah pidatonya ketika berentap pada pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2010 peringkat separuh akhir di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Hunnekes ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas tamat peringkat separuh akhir berkata, dia sememangnya mahu menggunakan dua rangkap pantun tersebut kerana akan menyeronokkan lagi persembahan pidatonya.

“Ungkapan pantun Melayu yang

sering digunakan oleh masyarakat tradisional Melayu mempunyai keistimewaan tersendiri dan amat menarik bila didengar.

“Perkataan-perkataan indah dan sopan yang digunakan dalam pantun antara cara yang boleh digunakan untuk menggambarkan emosi seseorang,” katanya.

Hunnekes tersenarai antara lima peserta bagi kategori Antarabangsa yang layak ke peringkat akhir esok.

Menceritakan lebih lanjut, dia tidak menyangka terpilih ke peringkat akhir pertandingan PABM kerana itu merupakan penyertaan pertamanya.

“Sebelum ini saya ada belajar mengenai perbezaan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia di Universiti Frankfurt, Jerman.

“Saya dapati tidak banyak perbezaan, cuma ada beberapa perkataan yang mempunyai makna berbeza walaupun sebutannya sama,” kata pelajar sarjana jurusan Pengajian Asia Tenggara itu.

Sementara itu, peserta Rusia, Natalya Budanova memberitahu, penggunaan pantun dalam pidatonya sudah menjadi kemestian kerana ia membuatkan persembahan menjadi lebih menarik dan mempesonakan.

Natalya yang tidak ketinggalan me-

nyelitkan dua rangkap pantun ketika berpidato mempamerkan persembahan menarik untuk melayakkan diri ke peringkat akhir bagi kategori Antarabangsa.

“Saya memang berminat dengan bahasa dan budaya Melayu, pantun Melayu cukup indah bila didengar dan menunjukkan kesopanan seseorang bila berbicara.

“Ketika belajar di Mocsow State University, saya bergaul dengan pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di sana, secara tidak langsung saya dapat mempelajari budaya dan bahasa Melayu dengan lebih dekat,” katanya.